

KERJA-KERJA SENGGERAAN RUMAH PAM BOMBA BLOK A1 DAN BLOK B SERTA HOOD FIRE PANEL KAFETARIA DI DESASISWA KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI.

1. Harga yang ditawarkan didalam Ringkasan Sebutarga ini hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang dijelaskan di dalam Arahan Kepada Petender, Spesifikasi, Bidang Kerja dan Syarat-syarat Am Sebutarga.
2. Sebelum pelaksanaan kerja, pembekal/syarikat hendaklah memahami dan mematuhi perkara-perkara berikut bagi mengelakkan silap tafsiran ke atas keterangan kerja yang sama ada dinyatakan atau tidak dinyatakan :
 - a) Mana-mana kerja yang berkaitan dengan menanggal dan memasang pintu, *frame* pintu, tingkap, *frame* tingkap, siling dan sebagainya yang memerlukan kerja mengetuk, memecah dinding, lantai, siling dan seumpamanya hendaklah dibuat dengan kemas dan rapi manakala bahagian yang diketuk atau dipecahkan hendaklah diperkemas dengan kerja menampal, menyimen, mengecat (di bahagian luar dan dalam) dan menggantikan jubin seperti warna dan saiz asal.
 - b) Mana-mana kerja membekal dan memasang peralatan seperti paip air, *shower*, pintu, tingkap, mangkuk tandas dan sebagainya hendaklah dilengkapi dengan aksesori-aksesori yang berkaitan seperti engsel, tombol, door closer (pada pintu utama), *bottle trap*, selak pintu dan kunci yang berkualiti tinggi dan lain-lain yang berkaitan. Untuk kerja membekal dan memasang pintu, tingkap, *frame* pintu dan *frametingkap* hendaklah bersekali dengan kerja-kerja mengecat.
 - c) Mana-mana kerja yang melibatkan tatacorak, warna, bentuk, jenis/jenama dan sebagainya hendaklah mendapat persetujuan daripada pegawai penguasa kolej terlebih dahulu.
 - d) Mana-mana kerja yang melibatkan pendawaian elektrik, elektronik dan sistem rangkaian internet perlu mematuhi semua peraturan atau akta yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Pembekal/syarikat perlu mengujilari dan mentauliah peralatan, pendawaian, perbekalan dan sistem yang dipasang adalah selamat untuk digunakan.
3. Barang atau peralatan yang dibekalkan hendaklah barangan yang original sepertimana spesifikasi yang dinyatakan. Sekiranya pembekal/syarikat membekalkan barang atau peralatan yang tidak mengikut spesifikasi yang dinyatakan maka pembekal/syarikat hendaklah memaklumkan kepada pegawai berkuasa kolej bagi mendapat persetujuan secara bertulis. Nilai barang atau peralatan yang hendak ditukar hendaklah sama atau lebih daripada yang dinyatakan dalam borang sebutarga dan pembekal tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan tambahan ke atas barang atau peralatan yang hendak ditukar.

KERJA-KERJA SENGGERAAN RUMAH PAM BOMBA BLOK A1 DAN BLOK B SERTA HOOD FIRE PANEL KAFETARIA DI DESASISWA KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI.

Harga yang ditawarkan di dalam dokumen ini hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang dijelaskan di dalam arahan kepada Pembekal/Syarikat, spesifikasi, bidang kerja dan syarat-syarat am sebutharga.

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.0	KERJA AWALAN (UMUM)				
	1.1 Membuat papan tanda amaran atau menutup kawasan kerja dengan hoarding (jika perlu) di sekitar kawasan pembinaan termasuk kerja-kerja mobilisasi, membekal tenaga kerja, pengangkutan, jentera peralatan, peralatan keselamatan, tapak membuang sampah dan lain-lain keperluan yang berkaitan untuk kerja-kerja pembinaan serta membuang/melupuskan peralatan yang ditanggalkan / rosak ke tempat pelupusan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa.	Pukal	Pukal		
	1.2 Kerja-kerja membersihkan dan mencuci Kawasan sekitar kerja sepanjang masa dari habuk dan kotoran.	Pukal	Pukal		
	1.3 Kerja-kerja membuka, menanggalkan dan mengalihkan pintu, soket alir keluar serta pendawaian elektrik sedia ada, termasuk segala kelengkapan dan aksesori berkaitan, membawa keluar bahan-bahan yang ditanggalkan dari tapak serta melupuskannya ke tempat pelupusan yang diluluskan	Pukal	Pukal		
2.0	Kerja-kerja merangkumi :- <u>RUMAH PAM (BLOK A1 DAN BLOK B)</u>				
	2.1 Membekal, memasang dan menyiapkan set pintu aluminium louvres lengkap dengan bingkai, engsel, pemegang pintu, kunci mangga yang sesuai serta segala aksesori berkaitan. (Anggaran saiz: 1600mm(w) × 2100mm(h), 2 daun)	Set	1		
	2.2 Membekal dan memasang penutup longkang jenis heavy-duty stainless steel, lengkap dengan rangka sokongan keluli bergalvani, termasuk segala aksesori, bahan pengikat	m	20		

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	dan kemasan yang berkaitan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa.				
	2.3 Membekal, memasang, menguji dan mentauliah sistem pendawaian elektrik baharu lengkap dengan paip GI/conduit, kabel tembaga bersaiz 1.5mm ² dan 2.5mm ² , junction box, aksesori pendawaian, suis, soket alir keluar, termination, cable lug, cable gland, bahan pengikat dan segala kelengkapan berkaitan, termasuk membuat sambungan kepada punca bekalan elektrik yang berkaitan, lengkap dan berfungsi dengan sempurna.	Unit	12		
	a) Membekal, memasang, menguji dan mentauliah lampu LED lengkap dengan aksesori.	Unit	8		
	b) Membekal, memasang, menguji dan mentauliah soket alir keluar (13A) double jenis metal box.	Unit	2		
	c) Membekal, memasang, menguji dan mentauliah lampu kecemasan (Emergency Light) lengkap beserta bateri dan aksesori pendawaian yang berkaitan.	Unit	2		
	d) Membekal, memasang, menguji dan mentauliah lampu tanda keluar (EXIT Light) beserta bateri dan aksesori pendawaian yang berkaitan.	Unit	2		
	e) Membekal, memasang, menguji dan mentauliah lampu amaran/alarm di hadapan pintu utama rumah pam.				
	2.4 Membekal dan memasang alat pemadam api jenis CO₂ berkapasiti 9kg lengkap dengan bracket, tanda pengenalan dan aksesori pemasangan dan segala kelengkapan berkaitan serta fire blanket (1.2mx1.8m) pada lokasi yang ditetapkan oleh pihak kolej seperti berikut:	Set	1		
		Set	1		
	a) Rumah Pam Bomba Blok A1	Set	1		
	b) Rumah Pam Bomba Blok B				
	c) Kafetaria				
	2.5 Membekal dan memasang papan tanda keselamatan jenis pemantul cahaya (reflective signboard) yang sesuai untuk kegunaan kawasan rumah pam bomba lengkap dengan bahan sokongan, rangka, tiang/bracket, bahan pengikat dan segala aksesori pemasangan yang berkaitan. Papan tanda hendaklah diperbuat daripada				

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	bahan yang tahan cuaca dan mempunyai tulisan yang jelas serta mudah dilihat. Papan tanda yang diperlukan adalah seperti berikut: a) BILIK PAM BOMBA (FIRE PUMP ROOM) b) PERALATAN SISTEM KEBAKARAN (FIRE FIGHTING EQUIPMENT) c) DILARANG MEROKOK (NO SMOKING) d) DILARANG MASUK KAKITANGAN YANG DIBENARKAN SAHAJA (AUTHORIZED PERSONAL ONLY) e) JANGAN MATIKAN SISTEM PAM BOMBA TANPA KEBENARAN f) UNTUK KECEMASAN / KEROSAKAN, SILA HUBUNGI: _____. Papan tanda hendaklah menggunakan sistem slot/slide-in panel bagi membolehkan nama dan nombor telefon pegawai bertanggungjawab ditukar sekiranya berlaku perubahan.	Unit	2		
		Unit	2		
		Unit	2		
		Unit	2		
		Unit	2		
		Unit	2		
		Pukul	Pukul		
	2.6 Kerja-kerja membaiki kemasan dalaman rumah pam, termasuk menampal, menutup dan menyimen mana-mana lubang, rekahan atau kerosakan pada dinding serta membuat kemasan semula sehingga rata dan sempurna. Kerja-kerja hendaklah diikuti dengan mengecat keseluruhan dinding rumah pam menggunakan cat yang sesuai. Warna cat hendaklah ditentukan dan diluluskan oleh pihak kolej. (Anggaran saiz bilik – 21m²)	Set	2		
	2.7 Membekal, mereka bentuk, memfabrikasi dan memasang bracket/rangka besi sebagai tapak kekal bagi menyokong dan menempatkan bateri di dalam rumah pam, lengkap dengan segala plat, angle bar, bahan pengikat, anchor bolt, aksesori pemasangan dan kemasan berkaitan. Bracket hendaklah kukuh, tahan karat dan sesuai menanggung berat bateri. <u>FIRE HYDRANT</u>	Unit	5		
	2.8 Kerja-kerja mengecat kawasan larangan meletak kenderaan (NO PARKING) di sekitar/di hadapan fire hydrant menggunakan cat trafik berwarna kuning yang sesuai untuk kegunaan luaran. Kerja hendaklah termasuk penyediaan dan pembersihan permukaan, membuat marking/layout serta mengecat garisan dan				

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	corak silang (cross hatch/yellow box) dengan kemasan yang kemas, seragam, jelas dan mudah dilihat. Semua kerja hendaklah dilaksanakan mengikut ukuran, kedudukan dan susun atur yang ditetapkan oleh S.O. serta menggunakan bahan yang diluluskan. <u>KAFETARIA</u> 2.9 Kerja-kerja menyenggara, memeriksa, menguji dan memulihkan sistem fire suppression/hood fire panel, termasuk pemeriksaan fire panel, bateri, sambungan pendawaian dan fungsi keseluruhan sistem. Kerja hendaklah merangkumi pengujian fire panel, hood, suction tank serta segala komponen berkaitan bagi memastikan sistem berfungsi dengan baik, sempurna dan selamat. Kerja juga hendaklah termasuk membekal dan menggantikan bateri, lampu indikator/lampu panel yang rosak serta komponen kecil dan aksesori berkaitan yang diperlukan bagi memastikan sistem berfungsi dengan sempurna. 2.10 Membekal dan menggantikan junction box jenis logam (metal) yang sesuai, lengkap dengan penutup, cable gland, terminal, connector, bahan pengikat dan segala aksesori berkaitan serta membuat penyambungan semula kabel utama sedia ada. Kerja hendaklah termasuk membuka, menanggalkan dan mengalihkan junction box sedia ada, memasang junction box baharu, membuat termination dan penyambungan kabel dengan kemas serta menjalankan pengujian dan pemeriksaan ke atas semua sambungan bagi memastikan kesinambungan dan fungsi litar adalah baik dan selamat. 2.11 Membekal, memasang, menguji dan mentauliah pendawaian tambahan bagi soket alir keluar di ruang dapur menggunakan kabel tembaga bersaiz 2.5mm² dan sistem conduit/paip yang sesuai, lengkap dengan soket alir keluar 13A jenis switched socket outlet, suis, junction box jenis logam, cable gland, terminal, connector, termination, bahan pengikat dan segala aksesori berkaitan.	Set	1		
		Unit	1		
		Unit	8		

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	2.12 Membekal dan menggantikan exhaust fan yang rosak/tidak berfungsi di kafetaria serta membekal dan memasang exhaust fan tambahan di lokasi yang ditetapkan. Kerja termasuk pendawaian, suis/isolator, bracket, louvre, aksesori pemasangan dan pengujian operasi bagi memastikan pengudaraan ruang dapur berada dalam keadaan baik. 2.13 Membekal dan memasang papan tanda keselamatan jenis pemantul cahaya (reflective signboard) di kawasan kafetaria, lengkap dengan rangka/aksesori pemasangan yang sesuai. Papan tanda hendaklah mempunyai tulisan yang jelas, tahan cuaca dan mudah dilihat seperti berikut: a) DILARANG MEROKOK (NO SMOKING) b) KAWASAN LARANGAN MEMASAK 2.14 Kerja-kerja menjalankan pengujian dan pentauliahian (testing and commissioning) ke atas keseluruhan sistem elektrik yang berkaitan, termasuk pendawaian, peralatan elektrik, aksesori dan sistem perlindungan bagi memastikan setiap litar dan peralatan berfungsi dengan baik, selamat dan mengikut keperluan spesifikasi serta piawaian yang berkaitan	Unit	5		
		Unit	3		
		Unit	1		
		Pukal	Pukal		
3.0	TEMPOH SAHLAKU SEBUTHARGA				
	Semua catatan harga dalam dokumen ini hendaklah sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.				
4.0	LAWATAN TAPAK				
	4.1 Syarikat / pembekal perlu membuat lawatan tapak terlebih dahulu dengan pegawai yang bertanggungjawab kolej atau asrama untuk melihat lokasi dan membuat ukuran sebenar kerja yang akan dilakukan pada 09 September 2026 (10.00 PAGI) di Lobi Asrama KPTM Bangi.				

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	4.2 Pengkhususan Pelawaan .: 4.2.1 SSM Jenis Perniagaan: Kerja-kerja elektrik dan pendawaian voltan rendah 4.2.2 KKM Kod Bidang : 220101, 220102 4.2.3 CIDB : ME – E17, E04 Nota : Pihak kontraktor harus meneliti dan Memahami dokumen sebutarga, spesifikasi dan diwajibkan membuat lawatan ke tapak pembinaan untuk menentukan tahap kefahaman terhadap kerja-kerja tersebut dari segi karakter dan persekitaraan kerja serta pengukuran di tapak sebelum menghargakan tawaran sebutarga.				
5.0	TAKLIMAT KERJA 5.1 Pembekal/Syarikat diwajibkan memberi taklimat kerja dan taklimat keselamatan kepada pekerjaanya sebelum memulakan kerja-kerja yang berkaitan. 5.2 Pembekal/Syarikat perlu memahami dan mematuhi semua perkara penting seperti yang dicatat pada NOTA PENTING di LAMPIRAN 2.				
6.0	PENGHANTARAN / TARIKH SIAP DAN JAMINAN KERJA 6.1 Kerja-kerja dijangka siap dalam tempoh _____ hari. 6.2 Jaminan kerja dan produk adalah selama _____ bulan. 6.3 Pembekal/Syarikat hendaklah menyediakan laporan bergambar sebelum dan selepas kerja dilaksanakan apabila membuat tuntutan (Cetakan berwarna dan dibuat 2 salinan)				

No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-103

Tarikh Tutup Iklan : 14 SEPTEMBER 2026

JAM 12.00 TGH HARI

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
7.0	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB i. Pn.Nurfatin Anis :- 013-7385776 ii. En.Ismawe : 019-7078398 iii. En.Shafiq : 011 – 36737860				
8.0	PEGAWAI PENGUASA KOLEJ Pengarah KPTM Bangi				
PERKARA : KERJA-KERJA SENGGERAAN RUMAH PAM BOMBA BLOK A1 DAN BLOK B SERTA HOOD FIRE PANEL KAFETARIA DI DESASISWA KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI. JUMLAH HARGA TAWARAN KESELURUHAN (RM) : Ringgit Malaysia : _____ _____ NOTA : Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan sekitarnya,bentuk dan jenis tapak bina,takat dan kerja,bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja,cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko,luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya.					

NAMA SYARIKAT & COP :

TANDATANGAN :

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM) :

NO. TIN (LHDN) :

NAMA PEGAWAI :

NO. TELEFON :

TARIKH :

*Penghantaran sebutharga dengan menggunakan letterhead syarikat beserta cop/mohor syarikat
AMAT DIWAJIBKAN.

No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-103

Tarikh Tutup Iklan : 14 SEPTEMBER 2026

JAM 12.00 TGH HARI

CONTOH GAMBAR




No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-103

Tarikh Tutup Iklan : 14 SEPTEMBER 2026

JAM 12.00 TGH HARI

KAFETARIA



No. Sebutharga : KPTM/SH/BG/2026/UPK-103

Tarikh Tutup Iklan : 14 SEPTEMBER 2026

JAM 12.00 TGH HARI

PAPAN TANDA



FIRE BLANKET



NOTA PENTING

1. Pembekal/Syarikat hendaklah memastikan kekemasan akhir permukaan lantai / tapak binaan adalah sekata dan sama tinggi serta berkeadaan bersih dari sisa binaan dan habuk.
2. Kerja-kerja keselamatan, kekemasan dan kebersihan amat dititikberatkan.
3. Semasa kerja-kerja dijalankan, bahan-bahan di tapak kerja, alat-alat perabut dan peralatan peribadi yang dimiliki oleh penghuni mestilah dikawal dari kerosakan disebabkan oleh api, cuaca, kecuaiannya pekerja-pekerja atau lain-lain sebab.
4. Apa-apa kerosakan yang terjadi kepada kerja-kerja yang dijalankan, bahan-bahan bangunan, perabut dan peralatan peribadi yang disebabkan oleh pekerja Pembekal/Syarikat mestilah diperbaiki atau diganti oleh pihak pembekal/syarikat.
5. Pembekal/Syarikat juga mestilah memastikan langkah-langkah keselamatan supaya semua peralatan dan bahan kerja yang digunakan adalah tidak mudah dicuri / hilang dari tapak kerja.
6. Pembekal/Syarikat haruslah peka pada sebarang risiko kecurian / kehilangan dan adalah menjadi tanggungjawab Pembekal/Syarikat untuk mengganti baru peralatan / bahan tersebut.
7. Pembekal/Syarikat adalah bertanggungjawab mendapatkan perlindungan insurans terhadap semua pekerja dalam apa-apa risiko dan kemalangan ditempat kerja:
 - i. Insuran untuk Kemalangan dan Kerosakan Hartabenda (Insurance Against Personal Injuries and to Property)
 - ii. Pampasan Pekerja (Workmen Compensation)
 - iii. Insuran Kerja (Insurance of Works)
8. Jika terdapat mana-mana tapak kerja mengganggu kawasan awam atau tempat berjalan kaki, Pembekal/Syarikat mestilah menyediakan penutup keselamatan yang mencukupi serta lorong-lorong yang berpagar bagi mengasingkan tempat-tempat yang berbahaya untuk dilalui.
9. Pembekal/Syarikat hendaklah membuang / membawa keluar semua sisa kerja / sisa buangan dan sampah ke tempat buangan yang dibenarkan oleh PBT di luar kawasan kolej.
10. Pembekal/Syarikat yang berjaya hendaklah menghantar sampel bahan (jika berkaitan) yang digunakan bagi tujuan pemilihan oleh pegawai penguasa kolej.
11. Pembekal/Syarikat dikehendaki menyediakan tenaga kerja yang kompeten dengan kerja-kerja yang akan dilaksanakan seperti di dalam sebutharga.
12. Pembekal/Syarikat dikehendaki melantik orang yang berkelayakan bagi menjalankan kerja-kerja pendawaian, pemasangan peralatan elektrik dan berdaftar dengan penguasa-penguasa bekalan bagi melaksanakan dan menguji sistem elektrik yang dibuat.

13. Pembekal/Syarikat dikehendaki mematuhi sepenuhnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dalam melaksanakan perkhidmatan dan mengambil alih tanggungan KPTMSB dalam Akta 541 dalam melaksanakan perkhidmatan.
14. Sebarang peralatan atau kemudahan KPTMSB yang digunakan oleh Pembekal/Syarikat adalah seperti yang sedia ada (as it is). Penggunaan peralatan dan kemudahan tersebut adalah atas tanggungan Pembekal/Syarikat sendiri.
15. KPTMSB tidak memberi sebarang jaminan bahawa peralatan atau kemudahan KPTMSB tersebut adalah boleh diguna, sesuai untuk tujuannya atau bersesuaian dengan peralatan pembekal/syarikat.
16. KPTMSB tidak akan menanggunggrugi atas sebarang kerosakan atau kerugian terhadap peralatan Pembekal/Syarikat ATAU sebarang kecederaan terhadap pekerja, pelawat atau wakil Pembekal/Syarikat yang diakibatkan oleh penggunaan peralatan atau kemudahan KPTMSB.
17. Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah mematuhi Undang-Undang, Undang-Undang Kecil, Peraturan-Peraturan, dan Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh :
 - i. Suruhanjaya Tenaga.
 - ii. Jabatan Keselamatan Pekerjaan Dan Kesihatan.
 - iii. Jabatan Bomba Dan Penyelamat.
 - iv. Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia
 - v. Pemegang Lesen Dan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik .
 - vi. Pihak Berkuasa Tempatan.
18. Kerja-kerja elektrik yang dijalankan hendaklah juga mengikut bahagian-bahagian yang berkenaan dengannya di dalam :
 - i. Spesifikasi Standard JKR Cawangan Elektrik
 - ii. Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447) dan semasa
 - iii. Undang-Undang Kecil Seragam Bangunan semasa
 - iv. Peraturan-Peraturan Elektrik 1994
 - v. Edisi terbaru MS IEC 364;1996 / BS 7671 (IEE Wiring Regulation)
 - vi. Standards and Codes of Practice' berkenaan yang dikeluarkan oleh SIRIM/Jabatan Standard.

SURAT AKUAN PEMBIDA / PETENDER

BAGI

NO. SEBUTHARGA : KPTM/SH/BG/2026/UPK-103

KERJA-KERJA SENGARAAN RUMAH PAM BOMBA BLOK A1 DAN BLOK B SERTA HOOD FIRE PANEL KAFETARIA DI DESASISWA KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI.

Saya, _____ nombor K.P _____ yang mewakili _____ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa* bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan / KPTM yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K/P :

Cop Syarikat :

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (**Lampiran**)

**KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM
DOKUMEN PEROLEHAN KPTMSB**

Versi Bahasa Kebangsaan

**“PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU
AKTIVITI YANG MENYALAHAI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA**

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain KPTMSB, sekiranya [Syarikat / Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjaanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat / Kontraktor] dengan KPTMSB, KPTMSB hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat / Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat / Kontraktor].
- b) KPTMSB berhak menuntut daripada [Syarikat / Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh KPTMSB akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-pihak bersetuju bahawa [Syarikat / Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu”.

****Klausa penamatan di atas telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.**

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP _____)

Cop Syarikat :

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (**Lampiran**)

**BORANG PENGISYTIHARAN KENDIRI
KEPATUHAN ANTI-RASUAH (ABMS)**

PENGISYTIHARAN

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

1. Syarikat tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan rasuah atau salah laku berkaitan rasuah oleh mana-mana mahkamah atau oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain.
2. Syarikat, pengarah, pemilik, rakan kongsi dan pengurusan tertinggi tidak sedang disiasat, didakwa atau dalam proses perbicaraan bagi kesalahan rasuah.
3. Syarikat mengamalkan prinsip toleransi sifar terhadap rasuah dan komited mematuhi keperluan Anti-Bribery Management System (ABMS) serta undang-undang berkaitan pencegahan rasuah yang berkuat kuasa di Malaysia.
4. Syarikat tidak akan menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk suapan, komisen, hadiah, saguhati atau faedah lain yang boleh ditafsirkan sebagai rasuah berkaitan dengan perolehan ini.
5. Syarikat akan memastikan semua pekerja, wakil dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak syarikat mematuhi polisi anti-rasuah.
6. Syarikat bersetuju bahawa sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu, pihak tuan berhak:
 - i. membatalkan sebutharga/tawaran, dan
 - ii. mengambil tindakan sewajarnya.

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

.....

(Nama dan No. KP _____)

Cop Syarikat:

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran)

Cop Syarikat: